1. Perselisihan faham antara Liza dengan Ira menyebabkan hubungan mereka menjadi kin _____.

- A renggang
- B mundur
- C longgar
- D jauh

2. Pak Said berasa _____ apabila menceritakan kisah _____ yang menyedihkan itu kepada wartawan.

- A hambar ... lampau
- B geram ... baharu
- C benci ... lama
- D hiba ... silam

3. Pergerakan Adnan dalam pertandingan silat itu amat _____ kerana dia mahir dalam seni silat itu.

- A teliti
- B cergas
- C tangkas
- D kencang

4. Karangan yang ditulisnya itu agak _____ dari segi tatabahasa dan tidak mengikut format yang ditetapkan.

- A lesu
- B lemah
- C lembik
- D longlai

5. Pemilik restoran itu terpaksa menanggung kerugian kerana pekerjanya bersikap _____ ketika merekod pembelian stok daripada pembekal.

- A cuai
- B lemah
- C lembik
- D tangkas

6. Dunia semakin moden tetapi masih terdapat segelintir orang tua di kampung itu yang mengamalkan kepercayaan _____.

- A antik
- B karut
- C klasik
- D usang

7. Ibu _____ kerana abang masih belum pulang-pulang walaupun hari sudah lewat malam.

- A pedih
- B runsing
- C gempar
- D murung

LIVEWORKSHEETS

8. Puan Adlina mengisar bawang dan cili kering itu sehingga _____ sebelum menu a untuk dibuat sambal.

- A larut
- B lebur
- C lumat
- D lembut

9. Masliana memetik sekuntum bunga yang sedang _____ di halaman rumahnya lalu diselitkan ke rambutnya.

- A mekar
- B ranum
- C harum
- D matang

10. Tapak tangannya menjadi _____ kerana dia sering melakukan kerja-kerja berat di kawasan pembinaan itu.

- A kalis
- B keras
- C kasar
- D kering

11. Kejayaan projek itu ialah hasil buah fikiran yang _____ yang diutarakan oleh ketua pengarah syarikat.

- A baik
- B elok
- C bernas
- D cemerlang

12. Sikap abang yang _____ apabila memandu kereta itu dipuji oleh ayah.

- A cermat
- B bijak
- C baik
- D teliti

13. "Kerepek ubi yang _____ memang enak dimakan," kata peniaga kerepek itu kepada kakak.

- A rapuh
- B empuk
- C lembut
- D rangup

14. Bantal itu berbau _____ kerana sudah lama tersimpan di dalam almari.

- A hanyir
- B hapak
- C hangit
- D hancing

LIVEWORKSHEETS

15. Masa yang diberikan agak _____ tetapi para peserta pertandingan menggubah b itu dapat menyiapkan gubahan mereka dengan menarik sekali.

- A ringkas
- B segera
- C suntuk
- D cepat

16. Para penumpang dapat menikmati kemudahan yang _____ apabila menaiki LRT.

- A indah
- B mahal
- C selesa
- D lapang

17. Masalah sampah sarap yang bertaburan di bandar raya ini _____ diatasi sekiranya orang ramai tidak memberikan kerjasama.

- A berat
- B sukar
- C leceh
- D renyah

18. Harga bateri lampu suluh itu agak mahal kerana bateri tersebut _____ lama.

- A lasak
- B tahan
- C teguh
- D kukuh

19. Suara penyanyi cilik yang _____ itu berjaya memukau penonton dengan nyanyiannya.

- A parau
- B garau
- C merdu
- D sumbang

20. Guru disiplin itu digeruni oleh murid-murid yang nakal kerana wajahnya yang _____.

- A kasar
- B bengis
- C angkuh
- D tampan

LIVEWORKSHEETS